


# NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Tajaan latihan untuk Alauddin

Berita Harian, 10 May 1995, Page 11

 Article also available on Microfilm Reel NL20453

Printer-Friendly Page

# Tajaan latihan untuk Alauddin

**SILAT** Oleh **MOHD SANI ALI**

**KEJAYAAN** Sheik Alauddin Yaacob menjuarai Kejohanan Silat Dunia masih terus menerima penghargaan.

Ini berikutan kesediaan Bronx Master Fitness Point untuk membantu pemenang pingat emas itu menjalani latihan fizikal di kelab private mereka, secara percuma.

Menurut Sheik, bantuan yang diberikan oleh pengarah kelab tersebut, Louis Chang dan H.H. Chia, merupakan sesuatu yang cukup bererti bagi beliau dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi Sukan SEA dalam Disember ini.

“Apa yang menarik ialah pihak Bronx Master menyediakan pelatih fizikal untuk membantu saya menjalani latihan di tempat mereka. Ini adalah asas yang penting kerana latihan yang saya lalui itu akan mendatangkan kesan yang lebih baik lagi,” jelas Sheik, 27 tahun.

Juara dunia yang juga

akan mempertahankan pingat emas yang dimenangkannya dalam Sukan SEA 1993 itu menjalani latihan di Bronx Master setiap pagi, sebelum memulakan tugasnya sebagai jurulatih kelab latihan jasmani Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB).

“Dengan program latihan yang lebih teratur dan dibantu oleh pengawasan seorang instruktur, saya yakin ia dapat mempertingkatkan tahap ketahanan fizikal saya,” Sheik menjelaskan.

Beliau juga berkata latihan itu merupakan persiapan baginya untuk menghadapi Kejohanan Silat Nasional pada bulan depan.

Untuk menjadi anggota dengan memegang kad emas, Sheik seharusnya membayar \$1,800 setahun atau \$900 bayaran pendaftaran di samping \$100 sebulan jika beliau menjadi anggota biasa atau pun \$200 sebulan jika menjadi anggota bagi tempoh jangka pendek.

Penolong Pengurus Gim-

nasium Bronx Master, Agnes Lee, yang juga juara bina badan Kelas Heavy Asia dan Juara Nasional 1994, juga turut akur dengan pandangan Sheik, sambil berkata:


“Latihan fizikal kelihatan mudah tetapi sering membawa risiko kecederaan jika ia dilakukan tanpa tunjuk ajar atau dibantu oleh pakar yang terlatih.”

Di samping itu, Agnes juga menambah bahawa latihan tersebut boleh membantu ketangkasan dan merangsang seseorang atlit untuk berada dalam keadaan yang lebih baik.

Ini merupakan tajaan yang ketiga diterima oleh Sheik sejak awal tahun ini.

Awal tahun ini, Sheik menerima tajaan bernilai \$5,000 berupa peralatan seni pertahanan diri daripada Liang Seng Private Limited, agen pembekal jenama Victory, Adidas Martial Arts dan Hayashi.

Sheik juga turut menerima tajaan peralatan pakain dari jenama Nike.



**GIGIH BERLATIH:** Sheik Alauddin gigih menjalani latihan untuk mempersiapkan dirinya bagi kejuaraan-kejuaraan penting. — Gambar oleh ZAINAL YAHYA.

Gambar oleh ZAINAL YAHYA.